

Newspaper	Berita Harian
Date	8/11/2012

## Nurul Izzah perlu sedar kesilapan

BH - 8/11/2012

**Kuala Lumpur:** Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Nurul Izzah Anwar perlu sedar kenyataan bahawa Melayu tak perlu dipaksa untuk menerima sebarang agama tidak sepatut dilakukannya.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kenyataan itu dibimbangi bercanggah dengan amalan dan perkara berkaitan akidah.

“Kita harap beliau sedar ini sepatutnya beliau tidak buat,” katanya, semalam.

Muhyiddin juga berkongsi perasaan dengan tokoh agama dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang kesal dan kecewa dengan kenyataan itu.

### Jangan bawa pemikiran Barat

Tun Dr Mahathir Mohamad pula mengingatkan pemimpin politik supaya tidak membawa gaya pemikiran Barat yang terlalu bebas ke negara ini kerana ia mengundang kepada kerosakan negara.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kebebasan diamalkan barat sering menyentuh sensitiviti agama sehingga membawa kepada pergaduhan dan perpecahan.

“Orang Islam tidak akan sesekali tukar agama, jangan kita terbawa-bawa dengan pemikiran Barat yang terlampau bebas. Pemikiran Barat terlampau bebas, buat filem menghina agama lain sehingga boleh membawa kepada perkelahian,” katanya.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula menasihatkan Nurul Izzah supaya tidak mengeluarkan kenyataan sembarangan berkaitan agama bagi kepentingan politiknya.

Sebaliknya, Menteri Pertahanan itu meminta Nurul Izzah mendalami hukum Islam serta tidak menjadikan agama suci itu sebagai bahan politik untuk meraih sokongan ramai atas nama liberalisme dan pluralisme.